

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**KUMPULAN
PELAKSANA**



PENGHULU GRED NP29

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI MELAKA**

**Kekosongan : 2
(Lelaki Sahaja)**

**Simpanan : 10
(Lelaki Sahaja)**

1. Syarat Lantikan:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP29: RM1,642.54); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP29: RM1,846.15); atau
 - (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP29: RM1,846.15); atau
 - (iv) diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP29: RM2,146.96).

(Calon dengan kelayakan STPM, STAM atau diploma disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Antidadah, Pembantu Belia dan Sukan, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pembantu Pembangunan Masyarakat atau Pembantu Penerangan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penghulu Gred NP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas;
[Calon disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan] dan
- (c) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Diploma) dan Lokaliti (Ditetapkan oleh Jabatan):

- (a) Keperluan Bidang (Diploma):
 - (i) Pengurusan Tanah; atau
 - (ii) Pengurusan Awam; atau
 - (iii) Pentadbiran dan Politik.
- (b) Lokaliti:
 - (i) alamat tempat tinggal calon di Melaka.

5. Keperluan Tambahan:

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan sijil/ diploma yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan:

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penghulu-gred-np29>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan hendaklah mengemukakan/ mengemas kini permohonan secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **3 Mac 2021 (Rabu), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM